

Eropah wajar lebih sensitif terhadap Asia

BH 31 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara Eropah perlu lebih terbuka dan sensitif terhadap Asia jika mahu membentuk usaha sama perniagaan yang berkesan.

Serentak itu, Perdana Menteri meminta pemimpin dan ahli perniagaan Eropah tidak membuat kenyataan tidak menyenangkan mengenai Asia, kerana setiap negara mempunyai masalah sendiri, termasuk Malaysia.

“Penduduk Asia, khasnya Malaysia tersinggung kerana sifat kurang sensitif Eropah yang menyebabkan mereka mempunyai gambaran salah terhadap Asia,” katanya ketika menjawab soalan peserta pada sesi soal jawab di Sidang Kemuncak Perniagaan Eropah-Asia 2000, di Hotel Hilton di sini hari ini.

Sidang kemuncak dua hari itu yang dianjurkan Kumpulan Utusan, HIS Malaysia dan Yayasan Global Panel bertema Membentuk Semula Hubungan Perniagaan Eropah-Asia Tenggara: Keadaan Baru, Pembentuk, Trend dan Peluang.

Perdana Menteri berkata, media asing juga melaporkan Malaysia sebagai tempat berbahaya kerana ada penculikan di Pulau Sipadan dan

oleh itu negara ini tidak selamat 24 jam.

“Mengapa stesen siaran Eropah tidak menyatakan yang sebenar iaitu penculikan berkenaan adalah sesuatu yang jarang berlaku,” katanya.

Seramai 24 orang termasuk sembilan rakyat Malaysia diculik dari Pulau Sipadan di perairan Sabah oleh kumpulan penculik dari selatan Filipina 23 April lalu.

Dr Mahathir berkata, penculikan itu tidak diatur oleh Malaysia dan ia sesuatu yang tidak dijangkakan seperti letupan born di London oleh Tentera Republikan Ireland (IRA).

Perdana Menteri berkata, kejadian letupan born itu memang berlaku tetapi tidak bermakna media perlu memberitahu seluruh dunia dan mengeluarkan nasihat jangan melawat London kerana ia tidak selamat.

Sebaliknya, beliau berkata jika berlaku rusuhan kecil di sini, media asing akan mengembar-gemburkannya sebagai negara dalam keadaan huru-hara dan keselamatan rakyat terganggu.

“Tetapi seperti yang kita sedia ketahui, kita boleh pergi ke kampung dan pekan Cina tanpa perasaan takut dan tiada kumpulan yang datang mencederakan kita,” katanya.